



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN
SUMBER ASLI

EDISI
2/2019

MyGDI

NEWSLETTER

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal

KANDUNGAN

MaCGDI DI PAMERAN GLOBAL SURVEYORS'
DAYS 2019 ANJURAN UiTM SHAH ALAM
Halaman 1

LAWATAN PESERTA KURSUS UP07/19
APLIKASI GIS DI JABATAN/AGENSI ANJURAN
INSTUN **Halaman 2**

AKTIVITI DAN PROMOSI APLIKASI MyGOS
TERUS MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA
PELBAGAI AGENSI KERAJAAN
Halaman 3

JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU
LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI
GEOSPATIAL ANDA! **Halaman 4**

MaCGDI DI PAMERAN GLOBAL SURVEYORS' DAYS 2019 ANJURAN UiTM SHAH ALAM



SHAH ALAM – Pada 21 Mac 2019, MaCGDI telah menyertai pameran sempena Global Surveyors' Day (GSD) 2019 anjuran Persatuan Pelajar Geomatik (GEOMASS), Pusat Pengajian Sains Ukur dan Geomatik, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Pameran dan sambutan GSD 2019 yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta ini telah berlangsung di foyer Menara Sultan Abdul Aziz Shah, UiTM Shah Alam. Tanggal 21 Mac setiap tahun telah diputuskan sebagai GSD oleh International Federation of Surveyors (FIG) yang merupakan satu badan organisasi antarabangsa berkaitan ukur, pemetaan dan geospatial. Sambutan GSD dicadang sebagai satu inisiatif untuk memberikan kesedaran kepada dunia tentang kepentingan juruukur dan peranannya dalam pelbagai bidang kerja di seluruh dunia. Selain itu, GEOMASS turut mengambil peluang di sambutan ini untuk memberikan pendedahan kepada orang ramai khususnya kepada warga kampus UiTM Shah Alam mengenai bidang geomatik.

Pameran MaCGDI di GSD 2019 telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada lebih 300 orang pengunjung khususnya dari para pelajar sendiri. Antara aktiviti pameran MaCGDI ialah seperti penerangan berkaitan fungsi MaCGDI dan program MyGDI, penerangan aplikasi-aplikasi MyGDI, permainan teka silang kata geografi serta penerangan prosedur permohonan data geospatial bagi tujuan pengajian di universiti. Program yang julung kali diadakan di UiTM Shah Alam ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Akademik FSPU, Prof. Madya Dr. Emma Marinie Ahmad Zawawi bagi mewakili Dekan Fakulti. Beliau turut mengadakan lawatan ke tapak pameran dengan diiringi oleh pengurusan tertinggi fakulti. Selain pameran, terdapat pelbagai aktiviti yang menarik telah disediakan oleh pihak pengangur pada hari tersebut seperti ceramah, forum, kempen derma darah dan persembahan *drone*.

LAWATAN PESERTA KURSUS UP07/19 APLIKASI GIS DI JABATAN/AGENSI ANJURAN INSTUN



PUTRAJAYA – Pada 17 April 2019, MaCGDI telah menyantuni kunjungan lawatan peserta Kursus UP07/19 bertajuk Aplikasi GIS Di Jabatan/Agensi yang dianjurkan oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Peserta kursus ini terdiri daripada 30 orang pegawai yang bertugas di pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Kementerian di peringkat Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Lawatan ini merupakan salah satu agenda yang dimuatkan di dalam kursus yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 16 April sehingga 18 April 2019. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta-peserta kursus mengenai aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang telah dibangunkan oleh MaCGDI, melihat contoh-contoh kejayaan aplikasi kolaboratif MaCGDI bersama pihak Jabatan/Agensi lain, mempelajari cara-cara pengemaskinian peta secara dalam talian dan sebagai pendedahan berkaitan prosedur permohonan data geospatial serta pembangunan aplikasi GIS di MaCGDI.

Pasukan MaCGDI telah diketuai oleh Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompong, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi, Standard dan Outreach mewakili Pengarah MaCGDI manakala delegasi lawatan ini telah diketuai oleh Sr Edrin bin Mohd Eusoff merangkap Ketua Program Ukur di INSTUN. Pada lawatan ini, MaCGDI turut berpeluang untuk memperkenalkan MaCGDI sebagai agensi penyelaras perkongsian maklumat geospatial di Malaysia dengan mendukung program bertaraf kebangsaan iaitu Program MyGDI.

Scara keseluruhannya, MaCGDI ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada delegasi lawatan ini terutamanya kepada pihak pengajur kursus iaitu INSTUN kerana telah sudi menjadikan MaCGDI sebagai salah satu destinasi ilmu. Diharap agar para peserta kursus ini memperoleh satu pendedahan baru dan sekurang-sekurangnya mempelajari ilmu-ilmu tambahan berkaitan bidang geospatial.

MaCGDI dan INSTUN adalah rakan agensi yang sentiasa berkolaboratif secara langsung atau tidak langsung dari segi pelatihan kursus dan aktiviti lawatan pada setiap tahun.

AKTIVITI DAN PROMOSI APLIKASI MyGOS TERUS MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA PELBAGAI AGENSI KERAJAAN

Aplikasi Malaysia Online Geospatial Services (MyGOS) merupakan salah satu aplikasi MaCGDI yang popular dan sentiasa menjadi pilihan kepada agensi kerajaan untuk membangunkan aplikasi geospatial secara dalam talian pada masa yang singkat dan penggunaan sumber yang optimum. Berikut dikongsikan imbasan aktiviti dan promosi MyGOS yang telah berlangsung baru-baru ini:



Bengkel Penyediaan Data Geospatial Ke Dalam MyGOS Bersama Agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Tarikh: 8 April 2019
Tempat: Kompleks Induk STRIDE, Bangi



Promosi MyGOS Bersama Agensi Dan Pihak Berkuaasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah

Tarikh: 24 April 2019
Tempat: Makmal Komputer,
Wisma Darul Aman, Alor Setar




Latihan Penggunaan MyGOS Siri 2/2019 Kepada Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Perak

Tarikh: 9-10 April 2019
Tempat: Bilik COE, Wisma Sumber Asli,
Putrajaya



Taklimat MyGOS Kepada Majlis Bandaraya Alor Setar

Tarikh: 25 April 2019
Tempat: Majlis Bandaraya Alor Setar,
Alor Setar



JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA!

Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) akan menerbitkan satu Buletin Geospatial Sektor Awam (BGSA) bagi tahun 2019. Buletin ini adalah salah satu penerbitan yang mengandungi perkembangan MyGDI dan aktiviti-aktiviti geospatial di seluruh negara. Justeru, sidang pengarang BGSA amat mengalu-alukan penghantaran artikel teknikal dan laporan bergambar aktiviti geospatial yang berlaku di agensi atau organisasi anda. Artikel teknikal atau laporan bergambar yang berjaya dipilih oleh sidang pengarang akan dijadikan sebagai salah satu kandungan di dalam penerbitan BGSA 2019. Jadi, apa tunggu lagi? Jangan lepaskan peluang ini!



PANDUAN UMUM UNTUK PENULIS:

- Penghantaran boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- Setiap artikel teknikal perlu mempunyai abstrak dan perlu ditulis dengan huruf condong (*italic*); Format-format lain adalah seperti berikut:
 - ◆ Jenis huruf (*font*) : Arial
 - ◆ Saiz huruf bagi tajuk : 12
 - ◆ Saiz huruf : 10
 - ◆ Langkau (*spacing*) : Single
 - ◆ Margin : Atas, bawah, kiri dan kanan ialah 2.5 cm
 - ◆ Justifikasi teks : Kiri
 - ◆ Lajur (*column*) : Satu lajur setiap muka surat
- Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dalam format **Microsoft Word**;
- Semua imej grafik hendaklah dalam format **.tif** atau **.jpg** dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.; dan
- Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah menyatakan **Untuk Perhatian: Sekretariat Buletin Geospatial Sektor Awam, MaCGDI** dan ditujukan kepada alamat yang tertera di bawah.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJANAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156

FAKS: 03-8889 4851

LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN
SUMBER ASLI